

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Monday, 5 June, 2017 12:57 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: RAMADAN MENJELMA, WAHIDA & HASLIZA HIJRAH TEMPAT KERJA



05 JUN 2017 / 10 RAMADAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

RAMADAN MENJELMA, WAHIDA & HASLIZA HIJRAH TEMPAT KERJA



ANJUNG TAMU ONLINE: Dua Pegawai Khidmat Pelanggan yang tidak asing lagi di Jabatan Canselori, Siti Nurul Wahida Omar dan Hasliza Abu Hassan dari Jabatan Pendaftar telah berhijrah minda dan tempat kerja di bulan yang penuh barakah ini.

Bulan yang mulia ini juga warga kerja *Welcome Centre* menyaksikan majlis penyerahan tugas sebagai Pegawai Khidmat Pelanggan di antara mereka di Bilik Mesyuarat Eksekutif *Welcome Centre* baru-baru ini.

Wahida yang bertugas di *Welcome Centre*, Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Canselori hampir 3 tahun telah menabur jasa dan memberi komitmen yang tinggi sebagai salah seorang staf perintis sejak *Welcome Centre* beroperasi pada 15 Jun 2014.

Beliau juga bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan hal ehwal sistem Pengurusan Aduan, UUM *Service Desk*, lawatan tetamu peringkat domestik dan antarabangsa serta tugas *multitasking* yang telah memberi banyak pengalaman yang tidak dapat dijual beli.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi ilmu, tunjuk ajar, pengalaman sepanjang saya berkhidmat di Jabatan Canselori selama 8 tahun,” katanya.

Sementara itu, Hasliza yang berkhidmat sebagai Pegawai Khidmat Pelanggan (operator telefon) UUM selama 15 tahun berkata,

“Saya merasa satu keajaiban berlaku di bulan Ramadan ini kerana saya sama sekali tidak menduga akan berhijrah dari bilik operator ke *Welcome Centre* sebagai *front liner*.”

“Peluang yang saya perolehi di bulan Ramadan akan saya gunakan sebaiknya untuk memperluaskan ilmu dan pengalaman baharu.”

“Terima kasih kepada Jabatan Pendaftar yang telah memberi peluang kepada saya menimba pelbagai ilmu selama 15 Tahun,” kata beliau yang juga salah seorang Team Istiadat Universiti (TIU).

Welcome Centre mengucapkan selamat menjalankan tugas kepada Wahida dan Hasliza, yakin bahawa mereka akan menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan profesional.

Ibarat pepatah,

'Benih Yang Baik Jika Jatuh ke Laut Menjadi Pulau, Kalau di Campak ke Darat Menjadi Pohon Yang Berbuah dan Sekiranya Terlontar ke Langit Menjadi Bintang'.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.